



KEMENTERIAN PEGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI





TAJWID 'ILMI

تجوید علمی

TECHNO HUFFAZ PSA

Haslina binti Abdullah@Mohamed
Muhammad Safwan bin Abdullah
Muhammad Firdaus Naim bin Yuswan @ Rizwan



وَلَا مَأْتِينَ أَبْيَتٍ

MAD BADAL

MAD LAZIM
MUTHAQQAL
KALIMI

DIUTAMAKAN


TAJWID ‘ILMI

تجوید علمي

TECHNO HUFFAZ PSA

Penulis :

Haslina binti Abdullah @ Mohamed
Muhammad Safwan bin Abdullah
Muhammad Firdaus Naim bin Yuswan @ Rizwan



Tiada bahagian daripada terbitan buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah terlebih dahulu.

Modul Tajwid 'Ilmi Techno Huffaz

Ketua penulis	: Haslina binti Abdullah@Mohamed
Penulis	: Muhammad Safwan bin Abdullah
	: Muhammad Firdaus Naim bin Yuswan @ Rizwan
Editor dan pereka letak	: Ainoor Mahfuzah binti Ahmad

No eISBN : 978-967-0032-19-1

Terbitan pertama 2022

Diterbitkan oleh:


UNIT PENERBITAN

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Persiaran Usahawan,
Seksyen U1
40150 Shah Alam
Selangor
Telephone No. : +603 5163 4000
Fax No. : +603 5569 1903



9 7 8 9 6 7 0 0 3 2 1 9 1





الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين
وعلى آله وأصحابه أجمعين

Segala puji bagi Allah SWT Tuhan sekalian 'alam. Kami merafa'kan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya, dapat kami terbitkan buku **Modul Tajwid Ilmi Techno Huffaz PSA** sebagai salah satu medium dakwah bagi membantu para pembaca khususnya umat Islam di luar sana untuk memahami dan mempelajari 'ilmu tajwid dengan kaedah yang **mudah, interaktif** serta selari dengan peredaran arus **pembelajaran digital masa kini**.

Selawat dan salam buat junjungan besar baginda **Nabi Muhammad SAW** yang merupakan **rujukan utama** bagi umat Islam untuk mengetahui cara-cara membaca **al-Quran dengan kaedah bacaan yang betul**.

Buku ini berfokuskan kepada ilmu tajwid yang diambil sumber rujukannya dari **kitab-kitab 'ulama' qurra terdahulu dan kontemporari**. Turut dilengkapi dengan informasi yang disertakan bersamanya gambar rajah dan ilustrasi bagi menarik minat golongan muda mahupun tua untuk membacanya.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menghulurkan bantuan serta sokongan padu bagi menjayakan penerbitan buku ini. Diharapkan usaha kecil ini dapat memberi manfaat kepada pembaca terutamanya buat para guru dan pelajar sekaligus memantapkan lagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah mahupun institusi pengajian tinggi.

TAJWID ‘ILMI

تَحْوِيد عِلْمِي

TECHNO HUFFAZ PSA

PENULIS

Ketua Penulis

Haslina binti Abdullah@Mohamed berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah (kepujian) perbandingan hukum, IAIN Ar-Raniry Aceh Indonesia, Diploma pendidikan pengajian islam universiti Teknologi Malaysia.

Beliau berkhidmat sebagai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi selama 22 tahun.

Kini beliau bertugas sebagai **Ketua Jabatan dan Pensyarah Kanan** di Jabatan Pengajian Am Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.



Penulis

Muhammad Safwan bin Abdullah berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Kesasteraan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan juga Diploma Pendidikan dari universiti yang sama.



Beliau pernah berkhidmat sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di sekolah menengah agama JAIS di Selangor selama 5 tahun dan selepas itu bertugas sebagai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi di Politeknik selama 17 tahun sehingga sekarang.

Kini menjawat jawatan sebagai **Ketua Kursus Pendidikan Islam** di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Pernah terlibat **membangunkan kurikulum tafhiz** di peringkat awal penubuhan program tafhiz ini di Politeknik semenjak tahun 2017.

Penulis

Muhammad Firdaus Naim bin Yuswan@Rizwan berkelulusan Diploma Pengajian Perniagaan, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan juga penyandang Sijil Tafhiz Al-Quran, Darul Quran, JAKIM.



Beliau merupakan **graduan sulung Techno Huffaz PSA** dan kini menjadi pensyarah sambilan personele MyStep di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Beliau berjaya **khatam hafazan 30 juzuk** al-Quran dalam tempoh **3 tahun** serta dianugerahkan **Diploma Pengajian Perniagaan** melalui program Pensijilan Tafhiz al-Quran Darul Quran, JAKIM di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

**TAJWID
'ILMI**
تجوید علمی

TECHNO HUFFAZ PSA

BAB 1 :	 KLIK	
BIODATA RIWAYAT HAFS		2
BAB 2 :	 KLIK	
MUQADDIMAH ILMU TAJWID		5
BAB 3 :	 KLIK	
KESALAHAN DALAM BACAAN AL-QURAN		30
BAB 4 :	 KLIK	
TINGKATAN BACAAN AL-QURAN		35
BAB 5 :	 KLIK	
ISTIAZAH DAN BASMALAH		35
BAB 6 :	 KLIK	
HUKUM BERKAITAN NUN DAN MIM MATI		35

**TAJWID
‘ILMI**
تجوید علمی

TECHNO HUFFAZ PSA

BAB 7 :  KLIK

BAHAGIAN IDGHAM **35**

BAB 8 :  KLIK

**HUKUM ALIF LAM TA’RIF DAN
LAM FIIL** **35**

BAB 9 :  KLIK

BAHAGIAN HAMZAH **35**

BAB 10 :  KLIK

BAHAGIAN DAN HUKUM MAD **35**

RUJUKAN **47**

AKTIVITI PENGUKUHAN **44**

BAB 1

BIODATA RIWAYAT HAFS

**Hasil
Pembelajaran**

1. Pelajar dapat mengetahui Biodata Imam Hafs an Asim.
1. Pelajar dapat menjelaskan asal usul qiraat Riwayat Hafs An Asim.



BAB 1

BIODATA RIWAYAT HAFS



APAKAH ITU RIWAYAT HAFS AN ASIM?



Riwayat **Hafs** An Asim merupakan salah satu qiraat (bacaan) al-Quran daripada beberapa qiraat yang terkemuka yang disandarkan cara bacaannya kepada Imam Asim Bin Abi al-Najud Al-Kufi (w. 127 H) melalui jalur periwayatan Imam Hafs dan bersambung sanadnya kepada Rasulullah SAW.



KLIK

➤ JALUR RIWAYAT HAFS AN ASIM

IMAM HAFS

ABU ABD AR-
RAHMAN
AS-SULAMI

RASULULLAH
SAW

IMAM ASIM
BIN ABI AN-
NAJUD

ALI BIN ABI
TALIB

SIAPAKAH IMAM HAFS AN ASIM?

- ❖ Nama sebenar beliau ialah Abu Amru Hafs Bin Sulaiman Bin al-Mughirah.
- ❖ Lahir di Kufah pada tahun 90 Hijriah.
- ❖ Berguru dengan Imam Asim secara bertalaqqi dan bermusyafahah yang merupakan ayah tiri beliau.
- ❖ Imam Syu'bah merupakan rakan seperguruannya.
- ❖ Imam yang alim, warak, hebat dan masyhur pada zamannya.
- ❖ Antara ulama qurra yang bertalaqqi dengan beliau ialah Ubaid Bin as-Sabah, Amru bin as-Sabah, al-Fadhl Bin Yahya al-Anbari.

BAB 1

BIODATA RIWAYAT HAFS



MENGAPAKAH RIWAYAT HAFS AN ASIM LEBIH DIKENALI?

- ❖ Kerana manhaj atau kaedah bacaan riwayat ini lebih senang serta mudah difahami dan dibaca.
- ❖ Pengembaraan Imam Hafs ke Makkah dan Baghdad memperluaskan lagi keilmuannya.
- ❖ Kelebihan Imam Hafs yang mahir dan dipercayai keilmuannya serta kekuatan akalnya yang tajam.



TAHUKAH ANDA?

- Qiraat Hafs mempunyai 2 tariq (jalan) bacaan, iaitu *Tariq as-Syatibi* dan *Tariq al-Jazari*
- Tariq yang dikenali dan diamalkan di Malaysia ialah *Tariq as-Syatibi*

BAB 2

MUQADDIMAH ÍLMU TAJWID

*Hasil
Pembelajaran*

1. Pelajar dapat memahami definisi ilmu tajwid.
1. Pelajar dapat mengetahui sejarah dan latar belakang ilmu tajwid.



BAB 2 MUQADDIMAH ILMU TAJWID



APAKAH PENGERTIAN ILMU TAJWID?

- ❖ Ilmu tajwid terbahagi kepada 2 pengertian dari sudut yang berbeza, iaitu dari sudut bahasa dan istilah.



BAHASA

- Mengelokkan sesuatu.

ISTILAH

- Suatu ilmu untuk mengetahui cara-cara membaca kalimah-kalimah (perkataan) al-Quran serta menyebut dengan sebaik-baiknya berpandukan cara bacaan dan sebutan Rasulullah SAW.

APAKAH HUKUM ILMU TAJWID?

- ❖ Ulama salaf (terdahulu) menghukumkan semua cara bacaan yang berkaitan dengan ilmu tajwid ialah wajib syarie.
- ❖ Ulama khalaf (terkemudian) membahagikan wajib itu kepada dua bahagian:

WAJIB SINAIE

- Sangat baik jika diamalkan, sangat buruk jika ditinggalkan. Tidak sampai ke tahap dosa dan pahala.
- Contohnya, mengizharkan (menjelaskan) huruf pada hukum yang perlu diizharkan (dijelaskan), tidak mengurangkan kadar mad dan seumpamanya.

BAB 2 MUQADDIMAH ILMU TAJWID



KLIK

WAJIB SYARIE

- Mendapat pahala jika mengamalkannya, berdosa jika meninggalkannya kerana kesannya mampu mengubah maksud ayat yang dibaca.
- Contohnya, melafazkan sesuatu huruf dengan betul, membaca sesuatu huruf dengan baris yang betul dan seumpamanya.

APAKAH HUKUM MEMPELAJARI ILMU TAJWID?

- ❖ Ulama qurra membahagikan hukum mempelajari ilmu tajwid kepada dua hukum iaitu *fardu ain* dan *fardu kifayah*.

FARDU
AIN

FARDU
KIFAYAH

APAKAH KELEBIHAN ILMU TAJWID?

- ❖ Ilmu tajwid merupakan semulia-mulia ilmu kerana ia berkait dengan al-Quran yang merupakan semulia-mulia kalam.
- ❖ Setiap perkara baik yang yang terkait dengan al-Quran, semestinya mempunyai kedudukan yang istimewa di sisi Allah SWT.

BAB 2 MUQADDIMAH ILMU TAJWID



APAKAH DALIL UNTUK BERAMAL DENGAN ILMU TAJWID?

- ❖ Kewajipan untuk mempraktikan ilmu tajwid ketika membaca al-Quran ialah berdasarkan dalil-dalil dari tiga sumber utama iaitu al-Quran, Hadis dan ijma'.



SUMBER PERTAMA: AL-QURAN



- Surah Muzammil ayat 4

وَرَتِلِ الْقُرْءَانَ تَرْتِيلًا

Maksudnya: *Dan bacalah al-Quran dengan tartil.*

Saidina Ali bin Abi Talib Karamallahu Wajhah ketika ditanya maksud tartil, beliau menjawab: "**Mentajwidkan huruf dan mengetahui wakaf**"

- Surah al-Baqarah ayat 121

الَّذِينَ أَتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَتَلَوَنَهُ، حَقٌّ تِلَاوَتِهِ

Maksudnya: Orang-orang yang kami berikan kitab kepada mereka, sedang mereka membacanya dengan sebenar-benar bacaan.

BAB 2 MUQADDIMAH ILMU TAJWID



KLIK

SUMBER KEDUA: HADIS



- Dari Zaid Bin Thabit r.a. telah berkata, Rasulullah SAW bersabda:

“Sesungguhnya Allah SWT menyukai hambaNya membaca al-Quran secara tepat sebagaimana ia diturunkan”

(Hadis Riwayat Ibn Khuzaimah)

- Abdullah Bin Mas'ud r.a. telah mendengar seorang lelaki membaca firman Allah SWT dalam surah at-Taubah ayat 60:

إِنَّمَا أَلْصَدَقْتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ

tanpa bacaan panjang,

Maka beliau berkata: “Rasulullah tidak membacanya kepadaku sedemikian”

Kemudian lelaki itu bertanya: “Bagaimana Rasulullah membacanya kepadamu?”

Maka Abdullah Bin Mas'ud menjawab: “Dengan memanangkan kalimah لِلْفُقَرَاءِ ”

BAB 2 MUQADDIMAH ILMU TAJWID



TAJWID
'ILMI
تجوید علمی
TECHNO HUFFAZ PSEA



KLIK

SUMBER KETIGA: IJMAK



- Ulama salaf dan khalaf telah bersepakat tentang kewajipan mengamalkan hukum-hukum tajwid ketika membaca al-Quran dan haram bagi sesiapa mengingkarinya berdasarkan dalil-dalil dan nas-nas sedia ada.

DIMANAKAH TEMPAT UNTUK MENGGUNAKAN ILMU TAJWID?

- ❖ Jumhur ulama berpendapat bahawa diwajibkan penggunaan ilmu tajwid hanya pada kalimah-kalimah al-Quran sahaja.
- ❖ Walaubagaimanapun, wujud pendapat bahawa kewajipan penggunaan ilmu tajwid juga terpakai pada hadis-hadis Rasulullah SAW namun ia adalah pendapat yang **LEMAH**.



AL-QURAN



HADIS

BAB 2

MUQADDIMAH ILMU TAJWID



KLIK

APAKAH FAEDAH MEMPELAJARI ILMU TAJWID?



Memelihara kalam Allah dari penambahan, kekurangan dan perubahan huruf.

Mengetahui jenis-jenis kesalahan yang perlu dijauhi ketika membaca al-Quran.

Mengetahui jenis bacaan harus dan wajib dalam al-Quran.

Memahami kepentingan penggunaan ilmu tajwid.

BAGAIMANAKAH ILMU TAJWID DIPEROLEHI?

➤ JALUR RIWAYAT ILMU TAJWID

PARA ULAMA
AL-QURAN

PARA
TABIIN

RASULULLA
H SAW



PARA IMAM
QIRAAAT

PARA
SAHABAT

BAB 2 MUQADDIMAH ILMU TAJWID



TAJWID
'ILMI
تجوید علمی
TEKNO HUFAZ PSA



KLIK

- ❖ Ilmu tajwid diperolehi dengan dipelajari dan diajar oleh guru kepada anak muridnya menggunakan kaedah talaqqi dan musyafahah secara bersanad (bersambung).
- ❖ Talaqqi bermaksud berjumpa dan bertemu.
- ❖ Musyafahah bermaksud bertutur semulut.
- ❖ Dua kaedah di atas **penting** supaya tidak berlaku kesilapan dan kesalahan dalam ilmu yang dipelajari.

DUA CARA TALAQQI DAN MUSYAFAHAH

CARA 1

Guru membaca, murid mendengar dengan teliti.

Banyak diamalkan orang terdahulu.

CARA 2

Murid membaca, guru mendengar dan menegur jika tersilap.

Banyak diamalkan orang terkemudian.

TIPS DAN PETUA



Menghimpukan dua cara ini dalam satu pengajian adalah kaedah yang paling terbaik.

BAB 2

MUQADDIMAH ILMU TAJWID

BAGAIMANAKAH PENYUSUNAN ILMU TAJWID DILAKUKAN?



KLIK

ZAMAN SAHABAT

- ❑ Mereka pelajari secara praktikal dari Rasulullah SAW dengan cara mendengar dan menghayati.
- ❑ Tidak memerlukan kepada teori ilmu tajwid.

ZAMAN TABI'IN

- ❑ Mereka pelajari secara praktikal dari para sahabat dan ulama qurra'.
- ❑ Teori ilmu tajwid dicipta pada zaman ini seperti hukum nun mati, hukum mim mati dan sebagainya.

SIAPAKAH YANG MENCIPTA TEORI ILMU TAJWID?

- ❖ Ulama berbeza pendapat dalam menentukan orang pertama yang mencipta teori ilmu tajwid.

Pendapat ulama dalam menentukan siapa yang mencipta teori ilmu tajwid

1. Imam-imam qiraat
2. [Al-Khalil bin Ahmad Al-Farahidi](#)
3. [Abu Al-Aswad Al-Du'ali](#)
4. [Abu Ubaid Al-Qasim bin Salam](#)

KLIK

KLIK

KLIK

BAB 3

KESALAHAN DALAM BACAAN AL-QURAN

*Hasil
Pembelajaran*

1. Pelajar dapat mengetahui kesalahan dalam bacaan al-Quran.
1. Pelajar dapat mengelakkan dari melakukan kesalahan yang dipelajari ketika membaca al-Quran.



BAB 3

KESALAHAN DALAM BACAAN AL-QURAN

APAKAH JENIS KESALAHAN DALAM BACAAN AL-QURAN?



TAJWID
'ILMI
تجوید علمی
TEKNO HUFAZ PSA

KLIK

اللَّهُنَّ الْخَفِيُّ

اللَّهُنَّ الْجَلِيلُ

KESALAHAN TERSEMBUNYI

- Meninggalkan ghunnah pada hukum ghunnah dan sebaliknya.
- Mengurangkan atau melebihkan kadar panjang sesuatu hukum mad.
- ❖ Kesalahan berkaitan **KAEDAH ATAU CARA BACAAN.**
- ❖ Hukumnya adalah haram (**pendapat ulama salaf**), makruh bagi (**pendapat ulama khalaf**).
- ❖ Dinamakan “tersembunyi” kerana hanya dapat diketahui oleh orang yang mahir ilmu tajwid sahaja.

KESALAHAN NYATA

- Menukarkan huruf kepada huruf yang lain.
- Menukarkan sesuatu baris kepada baris yang lain atau mematikannya.
- Menambah sesuatu huruf
- Mengurangkan sesuatu huruf.
- ❖ Kesalahan berkaitan **LAFAZ** sama ada mengubah makna atau tidak.
- ❖ Hukumnya haram.
- ❖ Dinamakan “nyata” kerana dapat diketahui oleh orang yang mahir ilmu tajwid atau orang awam.

BAB 4

RUKUN BACAAN AL-QURAN

**Hasil
Pembelajaran**

1. Pelajar dapat memahami rukun bacaan al-Quran.
1. Pelajar dapat menghuraikan rukun bacaan al-Quran dengan baik.



BAB 4 RUKUN BACAAN AL-QURAN



APAKAH SYARAT BACAAN/QIRAAAT AL-QURAN DITERIMA?



KLIK

- ❖ Sebelum sesebuah bacaan/qiraat al-Quran itu diterima dan diamalkan oleh masyarakat, bacaan/qiraat itu perlulah menepati **kesemua** rukun-rukun bacaan al-Quran yang telah ditetapkan oleh ulama qurra' iaitu:



1. MUTAWATIR

- Bacaan yang dinaqalkan (disandarkan) atau diambil sekumpulan jemaah, dari jemaah yang lain.
- Mustahil mereka berbohong dari permulaan sanad (jalur riwayat) hingga ke akhirnya.
- Bacaan yang bersambung sanadnya sehingga Rasulullah.
- Oleh itu, imam-imam qiraat sepuluh disepakati mutawatir oleh para ulama kerana mempunyai sanad yang mutawatir ke Rasulullah SAW.

BAB 4 RUKUN BACAAN AL-QURAN



KLIK

2. BERTEPATAN DENGAN SALAH SATU WAJAH BAHASA ARAB

- ❑ Qiraat al-Quran itu perlulah tepat atau sama dengan salah satu dari ilmu nahu bahasa arab.
- ❑ Contohnya pada surah al-Baqarah ayat 37:

فَتَلَقَّىٰ ءَادَمَ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ

- ❑ Qiraat Imam Ibn Katsir baca مُ(ia dibaca baris atas kerana mim tersebut dalam keadaan maf'ul)
- ❑ Qiraat yang lain baca مُ(ia dibaca baris hadapan kerana mim tersebut dalam keadaan fa'il)

3. BERTEPATAN DENGAN SALAH SATU MASHAF UTHMANIAH

- ❑ Qiraat al-Quran itu perlulah tepat atau sama dengan salah satu mashaf yang ditulis pada zaman saidina Uthman.
- ❑ Pendapat yang disepakati mengatakan ada 6 buah mashaf.
- ❑ Contohnya pada surah at-Taubah ayat 100:

جَنْتٌ تَحْرِي تَحْتَهَا الْأَنْهَرُ

- ❑ Qiraat Imam Ibn Katsir ada مِنْ selepas تَحْرِي (Mashaf ke Makkah)
- ❑ Qiraat Imam Hafs tiada مِنْ selepas تَحْرِي (Mashaf ke Kufah)

BAB 4 RUKUN BACAAN AL-QURAN



TAHUKAH ANDA?



KLIK

- Ada yang menyatakan bahawa rukun ketiga bacaan al-Quran ialah sah sanad bacaan tersebut hingga ke Rasulullah.
- Mutawatir dan sah sanad berkait rapat antara satu dengan yang lain.
- Semua qiraat yang mutawatir perlulah sah sanadnya dan setiap sanad yang sah perlulah mutawatir sehingga Rasulullah.

BAB 5

ISTI'AZAH DAN BASMALAH

*Hasil
Pembelajaran*

1. Pelajar dapat memahami definisi isti'azah dan basmalah.
1. Pelajar dapat menghuraikan isti'azah dan basmalah dengan baik.



BAB 5

ISTI'AZAH DAN BASMALAH



KLIK

APAKAH ITU ISTI'AZAH?

- ❖ Isti'azah bermaksud memohon perlindungan.
- ❖ Diperintahkan untuk dibaca sebelum membaca al-Quran berdasarkan surah an-Nahl ayat 98:

فَإِذَا قَرأتَ الْقُرْءَانَ فَاسْتَعِدْ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Maksudnya: Oleh itu, apabila engkau membaca al-Quran, maka hendaklah engkau terlebih dahulu memohon perlindungan kepada Allah dari hasutan syaitan yang direjam.

APAKAH HUKUM MEMBACA ISTI'AZAH?

- ❖ Berlaku khilaf (perselisihan) dalam penetapan hukum kerana perbezaan pendapat dalam menafsirkan kalimah (فَاسْتَعِدْ)
- ❖ Jumhur mengatakan kata kerja suruhan itu suruhan sunat. Ada juga yang berpendapat kata kerja suruhan itu suruhan wajib.

APAKAH LAFAZ ISTI'AZAH YANG DIAMALKAN?

LAFAZ YANG DIAJARKAN JIBRIL KEPADA BAGINDA	❖ أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ (JUMHUR)
LAFAZ YANG DIREKODKAN DALAM HADIS-HADIS YANG LAIN	❖ أَعُوذُ بِاللَّهِ السَّمِيعِ الْعَلِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ❖ أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ مِنْ تَفْخِيمٍ وَنَفْثَةٍ وَهَمْزَةٍ

BAB 5

ISTI'AZAH DAN BASMALAH



TAJWID
'ILMI
تجويد علمي
TEKNO HUFAZ PSA



LAFAZ YANG PERNAH DIGUNAKAN OLEH PARA ULAMA

- ❖ أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
- ❖ أَعُوذُ بِاللَّهِ الْعَوْيَيِّ مِنَ الشَّيْطَانِ الْعَوْيَيِّ
- ❖ أَعُوذُ بِاللَّهِ الْقَادِيرِ مِنَ الشَّيْطَانِ الْغَادِيرِ

*IBN AL-KHATIB BERPENDAPAT BAHAWA LAFAZ ISTI'AZAH TIADA BATASAN. BOLEH DITAMBAH ATAU DIUBAH ASALKAN SELARI DENGAN SIFAT ALLAH, DEMIKIAN JUGA SIFAT SYAITAN YANG DILAKNAT.

BAGAIMANAKAH CARA BACAAN ISTI'AZAH DI DALAM AL-QURAN?

- ❖ Terdapat 4 cara (formula) untuk membaca isti'azah di dalam al-Quran.

4 CARA (FORMULA)

1. ISTI'AZAH + BASMALAH + AWAL SURAH
2. ISTI'AZAH * BASMALAH * AWAL SURAH
3. ISTI'AZAH * BASMALAH + AWAL SURAH
4. ISTI'AZAH + BASMALAH * AWAL SURAH

PETUNJUK:

- + Dibaca wasal/sambung
- * Dibaca waqaf/berhenti

BAB 5

ISTI'AZAH DAN BASMALAH



KLIK

APAKAH ITU BASMALAH?

- ❖ Basmalah bermaksud “dengan nama Allah”.
- ❖ Diajar oleh malaikat Jibril kepada baginda nabi Muhammad SAW.
- ❖ Disebutkan lafaznya dengan jelas dalam surah an-Naml ayat 30 :

إِنَّهُ مِنْ سُلَيْمَنَ وَإِنَّهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

APAKAH HUKUM MEMBACA BASMALAH?

- ❖ Sunat dibaca setiap kali hendak memulakan bacaan al-Quran, melainkan pada awal surah at-Taubah.
- ❖ Ibn Abbas pernah bertanya Ali bn Abi Talib “Mengapa tidak tertulis basmalah pada awal surah at-Taubah?”

Saidina Ali menjawab,

“Kerana basmalah diturunkan semasa aman, sedangkan baraah tidak aman kerana ia diturunkan semasa peperangan. Oleh itu ia tidak sesuai diletakkan di permulaan surah tersebut.”

- ❖ Manakala, bagi sebahagian ulama qurra pula, mereka berselisih pendapat dalam menentukan hukum bacaan basmalah pada surah at-Taubah.

Imam Ibn Hajar dan al-Khatib	Syeikh Ramli
<ul style="list-style-type: none">• Haram pada awal, makruh dipertengahan	<ul style="list-style-type: none">• Makruh pada awal, sunat dipertengahan

BAB 5

ISTI'AZAH DAN BASMALAH



BAGAIMANAKAH CARA BACAAN BASMALAH DI DALAM AL-QURAN?

- ❖ Terdapat 4 cara (formula) untuk membaca basmalah di dalam al-Quran.



KLIK

4 CARA (FORMULA)

1. AKHIR SURAH + BASMALAH + AWAL SURAH
2. AKHIR SURAH * BASMALAH * AWAL SURAH
3. AKHIR SURAH * BASMALAH + AWAL SURAH
4. AKHIR SURAH + BASMALAH * AWAL SURAH

PETUNJUK:

- + Dibaca wasal/sambung
- * Dibaca waqaf/berhenti

BAB 6

HUKUM BERKAITAN NUN DAN MIM MATI

Hasil
Pembelajaran

1. Pelajar dapat memahami hukum berkaitan nun dan mim mati.
1. Pelajar dapat menghuraikan hukum berkaitan nun dan mim mati dengan baik.

Sub-Topik :

6.1

- Hukum Nun Mati Dan Tanwin

6.2

- Hukum Nun Dan Mim Bersabdu

6.3

- Hukum Mim Mati



BAB 6

HUKUM BERKAITAN NUN DAN MIM MATI



KLIK

6.1 Hukum Nun Mati Dan Tanwin

APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN NUN MATI?

- ❖ Nun mati merupakan salah satu huruf dari huruf hijaiyyah (huruf-huruf al-Quran).
- ❖ Ia tidak menerima baris, wujud pada bacaan dan tulisan ketika wasal (bacaan sambung) dan waqaf (bacaan berhenti).
- ❖ Berada pada isim (kata nama), fiil (kata perbuatan) dan pada huruf sama ada di pertengahan atau di hujung kalimah (perkataan).

APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN TANWIN?

- ❖ Tanwin merupakan nun mati tambahan dan terletak hanya di penghujung isim.
- ❖ Ia wujud pada bacaan ketika wasal, tetapi tidak wujud ketika waqaf.



CONTOH BENTUK BARIS
TANWIN



CONTOH BENTUK HURUF
NUN MATI

BAB 6

HUKUM BERKAITAN NUN DAN MIM MATI



6.1 Hukum Nun Mati Dan Tanwin

KLIK

APAKAH PERBEZAAN NUN MATI DAN TANWIN?

➤ PERBEZAAN NUN MATI DAN TANWIN

NUN MATI

Salah satu daripada huruf hijaiyyah.

ن

Tidak menerima baris.

Wujud pada bacaan dan tulisan ketika waqaf dan wasal.

Berada pada isim dan fiil.

Berada pada pertengahan atau hujung kalimah.

TANWIN

Nun mati tambahan.

ڻ ڻ ڻ

Menerima baris dalam keadaan tertentu.

Terletak pada hujung isim.

Wujud pada bacaan ketika wasal **sahaja**.

BAB 6


HUKUM BERKAITAN NUN DAN MIM MATI



KLIK

APAKAH HUKUM TAJWID YANG BERKAIT DENGAN NUN
MATI DAN TANWIN?

APABILA NUN MATI/TANWIN
BERTEMU SALAH SATU DARI 28
HURUF HIJAIYYAH, MAKA
TERHASIL SALAH SATU
DARIPADA HUKUM DI BAWAH.



BAB 6

HUKUM BERKAITAN NUN DAN MIM MATI

EMPAT HUKUM TAJWID BERKAITAN NUN MATI DAN TANWIN



KLIK

IZHAR HALQI

PENGERTIAN

Bahasa: Terang/nyata

Istilah: Mengeluarkan setiap huruf daripada makhrajnya tanpa ghunnah.

CARA BACAAN

Nun mati/tanwin dibaca nyata tanpa ghunnah.

HURUF-HURUFNYA

ء غ ح خ ع ه

IQLAB

PENGERTIAN

Bahasa: Menukarkan

Istilah: Menukarkan bunyi nun mati/tanwin kepada bunyi mim.

CARA BACAAN

Menukarkan nun mati/tanwin kepada huruf mim yang disembunyikan dengan merenggangkan sedikit bibir agar tidak menyerupai idgham, berserta ghunnah.

HURUF-HURUFNYA

ب

IDGHAM

PENGERTIAN

Bahasa: Memasukkan

Istilah: Memasukkan huruf 1 ke dalam huruf ke-2 seakan menjadi huruf yang bersabdu.

JENIS-JENISNYA

Ma'al ghunnah: ي ن م و

Bi la ghunnah: ل ر

IKHFAK HAKIKI

PENGERTIAN

Bahasa: Menyembunyikan

Istilah: Menyembunyikan bunyi nun mati/tanwin dengan membunyikannya antara bunyi izhar dan idgham.

JENIS-JENISNYA

Paling tinggi: ت د ط

Sederhana: 10 huruf yang berbaki.

Paling rendah: ق ك

BAB 6

HUKUM BERKAITAN NUN DAN MIM MATI

CONTOH-CONTOH BERKAITAN HUKUM NUN MATI DAN TANWIN



KLIK

CONTOH IZHAR HALQI

HURUF	CONTOH NUN MATI	CONTOH TANWIN
ء	مِنْ ءَامِنَةٍ	حَاسِدٌ إِذَا
غ	مِنْ غِلْيٍ	أَجْرُ غَيْرٍ
ح	يَنْحَتُونَ	عَطَاءً حِسَابًا
خ	مُنْخَنَقٌ	ذَرَةٌ خَيْرًا
ع	يَنْعُقُ	جَنَّةٌ عَالِيَّةٌ
ه	مِنْ هَادِ	سَلَامٌ هِيَ

Akronim huruf-huruf izhar halqi: ءغْحِحَعَهُ

CONTOH IQLAB

مِنْ بَعْدِ

أُمَّةٌ شَهِيدٌ

TIPS DAN PETUA



Di dalam al-Quran, hukum iqlab dapat dikenal pasti dengan kehadiran huruf mim kecil seperti contoh di atas.

BAB 6

HUKUM BERKAITAN NUN DAN MIM MATI

CONTOH IKHFAK HAKIKI



KLIK

HURUF	CONTOH NUN MATI	CONTOH TANWIN
ظ	مِنْ ظَلَمَ	مِرَاءَ ظَهِيرَاً
ص	وَيُنَصِّرُكُمْ	صَفَّا صَفَا
ذ	ءَانِذَرْتَهُمْ	يَتَمَادًا مَقْرَبَةً
ث	مَنْ ثُلَّتْ	جَيِّعَاشَمَّ
ك	لَدُنَكَ	وَرِزْقٌ كَرِيمٌ
ج	فَأَنْجَيْنَاهُمْ	جَاهَ حَمَّا
ش	وَأَنْشَأَنَا	عَذَابٌ شَدِيدٌ
ق	مِنْ قُرْمَكَ	شَئِيْقَرِيرُ
س	الْإِنْسَنُ	بَشَرَاسَوِيَا
د	أَنْدَادًا	يُومَيِّدِ دَبَرَهُ
ط	مِنْ طَيِّنَ	فِدْيَةٌ طَعَامُ
ز	أَنْزَلَ	يُومَيِّزِ رِزْقًا
ف	يُنْفَقُونَ	شَئِيْفِي
ت	وَأَنْتُمْ	يُومَيِّزِ تَحْدِيثُ
ض	مَنْضُودُ	قُوَّةٌ ضَعْفَانَا

شَجَرَ صَدَقَ فَسِكْ ضَطَّظِ شَدِّ

BAB 6

HUKUM BERKAITAN NUN DAN MIM MATI



KLIK

CONTOH IDGHAM MA'AL GHUNNAH

HURUF	CONTOH NUN MATI	CONTOH TANWIN
ي	أَنْ يَعْتَرِبَ	وَبِرْقٌ يَجْعَلُونَ
ن	مِنْ نَفْسٍ	عَهْدًا أَبَذَهُ
م	مِنْ مَثْلِهِ	شَيْءٌ مِّنْهُ
و	مِنْ وَرَاءِهِمْ	وَرَعْدٌ وَبِرْقٌ

Akronim huruf-huruf idgham ma'al ghunnah: يَنْمُو

CONTOH IDGHAM BI LA GHUNNAH

HURUF	CONTOH NUN MATI	CONTOH TANWIN
ل	يَبْيَنِ لَنَا	نَكْلَالًا لِمَا
ر	مِنْ رَبِّهِمْ	ثَمَرَةً رِزْقًا

AMARAN !

- ✓ Bagi memastikan penguasaan anda terhadap ilmu tajwid terjamin ketepatan sebutannya, pastikan anda menyebut contoh-contoh yang diberikan di hadapan guru.



BAB 6

HUKUM BERKAITAN NUN DAN MIM MATI



6.2 Hukum Nun Dan Mim Bersabdu

KLIK

APAKAH MAKSUD NUN DAN MIM BERSABDU?

- ❖ Nama sebenar hukum ini berdasarkan ulama tajwid ialah **HARF GHUNNAH MUSYADDAD**

BAGAIMANAKAH CARA BACAANNYA?

- ❖ Huruf nun dan mim bertasydid (bersabdu) perlu dibaca **ghunnah** dengan kadar 2 harakat ketika wasal mahupun waqaf.

BAGAIMANAKAH RUPA MIM DAN NUN BERSABDU ?

ن / م

APAKAH CONTOH NUN DAN MIM BERSABDU?

NUN BERSABDU	MIM BERSABDU
عَامَّا	وَمَمَّا
إِنَّمَا	مَرَضٌ
النَّاسُ	مِمَّا

BAB 6


HUKUM BERKAITAN NUN DAN MIM MATI



6.3 Hukum Mim Mati

KLIK

APAKAH HUKUM TAJWID YANG BERKAIT DENGAN MIM MATI?



APABILA MIM MATI BERTEMU
SALAH SATU DARI 28 HURUF
HIJAIYYAH, MAKA TERHASIL
SALAH SATU DARIPADA HUKUM
DI ATAS



BAB 6

HUKUM BERKAITAN NUN DAN MIM MATI

TIGA HUKUM TAJWID BERKAITAN MIM MATI



TAJWID
'ILMI
تجوید علمی
TEKNO HUZZAF PSA



KLIK

IZHAR SYAFAWI

PENGERTIAN

Bahasa: Terang/nyata

Istilah: Membunyikan mim mati dengan **terang** dan **nyata** tanpa ghunnah.

CARA BACAAN

Mim mati dibaca nyata tanpa ghunnah.

HURUF-HURUFNYA

26 Huruf hijaiyyah selain ﻢ dan ﻪ

IKHFAK SYAFAWI

PENGERTIAN

Bahasa: Menyembunyikan

Istilah: Menyembunyikan mim mati dengan merenggangkan sedikit kedua bibir berserta ghunnah.

CARA BACAAN

Merenggangkan sedikit kedua bibir berserta ghunnah.

HURUF-HURUFNYA

ـ

IDGHAM SYAFAWI

PENGERTIAN

Bahasa: Memasukkan

Istilah: Memasukkan mim mati ke dalam huruf mim yang berbaris selepasnya.

CARA BACAAN

Memasukkan mim mati ke dalam huruf mim yang berbaris selepasnya berserta ghunnah.

HURUF-HURUFNYA

ـ

BAB 6

HUKUM BERKAITAN NUN DAN MIM MATI

CONTOH-CONTOH BERKAITAN MIM MATI



TAJWID
'ILMI
تجويد علمي
TECHNO HUZZAF PSA



KLIK

CONTOH IZHAR SYAFAWI

الَّذِي هُنْ فِيهِ
وَخَلَقْنَاكُمْ أَرْوَاحًا
نَوْمَكُمْ سَبَانًا
فَوَقَّلْنَاكُمْ سَبْعًا
إِنَّهُمْ كَانُوا
نَزِيدَكُمْ إِلَّا

CONTOH IKHFAK SYAFAWI

وَأَمَدَّنَاكُمْ بِأَمْوَالٍ
عَلَيْهِمْ بِخِيلٍ
مِنْهُمْ يَصُوتُكَ
فَيُغَرِّقُكُمْ بِمَا كَفَرْتُمْ
أَوْ نَبْعَثُكُمْ بِخَيْرٍ

BAB 6

HUKUM BERKAITAN NUN DAN MIM MATI



TAJWID
'ILMI
تجويد علمي
TECHNO HUZZAF PSA

CONTOH IDGHAM SYAFAWI

KLIK

لَهُمْ مَشَّوْا فِيهِ

ءَاذَا نَهَمْ مِنَ الْصَّوَاعِقِ

شَهَدَ آءَاهُمْ مَنْ

BAB 7

Bahagian Idgham

**Hasil
Pembelajaran**

1. Pelajar dapat memahami hukum berkaitan idgham.
1. Pelajar dapat menghuraikan hukum berkaitan idgham dengan baik.



BAB 7

Bahagian Idgham




APAKAH MAKSUD IDGHAM?

- ❖ **Bahasa:** Memasukkan.
- ❖ **Istilah:** Memasukkan huruf 1 ke dalam huruf ke-2 berserta ghunnah atau tanpa ghunnah, secara sempurna atau tidak sempurna.



BERAPAKAH BAHAGIAN IDGHAM?



TIPS DAN PETUA



Idgham syafawi, ma'l gunnah dan bi la
ghunnah tidak termasuk dalam topik ini,

BAB 7

Bahagian Idgham

APAKAH SYARAT-SYARAT IDGHAM?



TAJWID
'ILMI
تجوید علمی
TEKNO HUZZAF PSA



KLIK

SYARAT-SYARAT IDGHAM

BERLAKU PERTEMUAN
DUA HURUF.

HURUF YANG
PERTAMA **MATI**, HURUF
YANG KEDUA
BERBARIS.

DUA HURUF YANG
BERTEMU TERSEBUT
PERLU MEMPUNYAI
KAITAN **MAKHRAJ** atau
SIFAT ANTARA SATU
SAMA LAIN.

BAHAGIAN-BAHAGIAN IDGHAM

1. IDGHAM MUTAMATHILAIN

PENGERTIAN

- DUA HURUF YANG BERTEMU MEMPUNYAI **MAKHRAJ DAN SIFAT YANG SAMA**

CONTOH:

رِحَّاتٍ بَخْرَتُهُمْ	يُدِرِّكُمْ	وَقَدْ دَخَلُوا
عَفْوًا وَقَالُوا	يُسْرِفُ فِي	إِذْ ذَهَبَ

BAB 7

Bahagian Idgham



TAJWID
'ILMI
تجوید علمی
TEKNO HUFAZ PSA



TIPS DAN PETUA



Apabila nun mati bertemu nun atau mim
mati bertemu mim, maka idghamnya perlu
dibaca berserta ghunnah.

2. IDGHAM MUTAJANISAIN

PENGERTIAN

- DUA HURUF YANG BERTEMU SAMA MAKHRAJ TAPI BERLAINAN
BEBERAPA SIFAT

IDGHAM INI
ADA DUA
JENIS:

KAMIL
(SEMPURNA)

NAQIS
(SEBAHAGIAN)

BAB 7

Bahagian Idgham



KLIK

IDGHAM KAMIL (sempurna)

- Apabila huruf nipis (lemah) bertemu dengan huruf tebal (kuat).
- Contohnya: Ta' bertemu Dal, Dal bertemu Ta', Ta' bertemu To', Dzal bertemu Dzo', Tha' bertemu Dzal, Ba' bertemu Mim.

IDGHAM NAQIS (sebahagian)

- Apabila huruf tebal (kuat) bertemu dengan huruf nipis (lemah).
- Contohnya: To' bertemu Ta'.

CONTOH:

IDGHAM KAMIL

HURUF YANG BERTEMU	CONTOH KALIMAH
Ba' bertemu Mim	أَرَكَبَ مَعَنَا
Tha' bertemu Dzal	يَلْهَثُ ذَلِكَ
Dzal bertemu Dzo'	إِذْ ظَلَمُوا
Ta' bertemu To'	وَدَّتْ طَالِفَةٌ
Ta' bertemu Dal	أَنْقَلَتْ دَعْوَاهُ اللَّهَ
Dal bertemu Ta'	لَقَدْ كَدَّ

BAB 7

Bahagian Idgham



TAJWID
'ILMI
تجويد علمي
TEKNO HUFAZ PSA



KLIK

IDGHAM NAQIS

HURUF YANG BERTEMU	CONTOH KALIMAH
To' bertemu Ta'	بَسْطَةٌ

3. IDGHAM MUTAQARIBAIN

PENGERTIAN

- DUA HURUF YANG BERTEMU **BERHAMPIRAN MAKHRAJ DAN SIFAT**

CONTOH:

BOLEH DIBACA DUA WAJAH IDGHAM,
KAMIL ATAU NAQIS

HURUF YANG BERTEMU	CONTOH KALIMAH
Qaf bertemu Kaf	الْمُنْخَلِقُ
Lam bertemu Ra'	وَقُلْرَبٌ

TIPS DAN PETUA

Untuk idgham mutaqaribain, hanya ada dua pasangan huruf yang bertemu iaitu huruf Qaf bertemu Kaf dan huruf Lam bertemu Ra'.

BAB 8

Hukum Alif Lam Ta'rif Dan Lam Fiil

Hasil
Pembelajaran

1. Pelajar dapat memahami hukum alif lam ta'rif dan lam fiil.
1. Pelajar dapat menghuraikan hukum alif lam ta'rif dan lam fiil dengan baik.



BAB 8

Hukum Alif Lam Ta'rif Dan Lam Fiil

PENGERTIAN, CARA BACAAN, HURUF DAN CONTOH



KLIK

	ALIF LAM SYAMSIAH	ALIF LAM QAMARIAH
PENGERTIAN	<input type="checkbox"/> Huruf lam yang dibaca idgham apabila bertemu 14 huruf hijaiyyah iaitu (*rujuk bahagian huruf-huruf).	<input type="checkbox"/> Huruf lam yang dibaca nyata apabila bertemu 14 huruf hijaiyyah iaitu (*rujuk bahagian huruf-huruf).
CARA BACAAN	<input type="checkbox"/> Huruf lam perlu diidghamkan secara sempurna ke dalam huruf selepasnya.	<input type="checkbox"/> Huruf lam perlu dibaca jelas.
HURUF-HURUFNYA	ط ث ص ر ت ض ذ ن د س ظ ز ش ل	ئ ب غ ح ج ك و خ ف ع ق ي م ه
CONTOH	وَالنَّتْشَرَاتِ وَالصَّيْفِ السَّمَاءُ الْسَّيَاءُ وَالرُّوحُ الْكَاثِرُ	وَالْمَرْسَلَاتِ لِجَهَالٌ فَالْعِصَفَاتِ الْأُولَئِينَ فَالْفَرِيقَاتِ الْقَدِيرُونَ

BAB 8

Hukum Alif Lam Ta'rif Dan Lam Fiil



TAHUKAH ANDA ?

- **LAM QAMARIAH (BULAN)** : Dinamakan qamariah kerana ulama menganggap huruf lam sebagai bintang, hurufnya sebagai bulan. Lam tetap dibaca nyata sebagaimana bintang masih kelihatan jelas meskipun bulan di sisinya.
- **LAM SYAMSIAH (MATAHARI)** : Dinamakan syamsiah kerana ulama menganggap huruf lam sebagai bintang, hurufnya sebagai matahari. Lam hilang tidak dibaca sebagaimana hilangnya bintang apabila matahari di sisi.

BAB 9

Bahagian Hamzah

Hasil
Pembelajaran

1. Pelajar dapat mengetahui bahagian-bahagian hamzah.
1. Pelajar dapat menghuraikan bahagian-bahagian hamzah dengan baik.



BAB 9

Bahagian Hamzah



TAJWID
'ILMI
تجوید علمی
TEKNO HUZZAF PSA

APAKAH BAHAGIAN-BAHAGIAN HAMZAH?



KLIK

BAHAGIAN HAMZAH

HAMZAH QATA'

HAMZAH WASAL

APAKAH CIRI-CIRI HAMZAH QATA' DAN HAMZAH WASAL?

HAMZAH QATA'

- TERLETAK SAMA ADA DI PERMULAAN, PERTENGAHAN ATAU HUJUNG KALIMAH.
- MEMPUNYAI BARIS.
- KADANG-KADANG HAMZAHNYA TIADA RUMAH.
- BOLEH MENUMPANG RUMAH PADA ALIF, WAW ATAU YA'.

HAMZAH WASAL

- TERLETAK DI PERMULAAN KALIMAH SAHAJA.
- TIDAK BOLEH DIBACA KETIKA WASAL.
- TERBAHAGI KEPADA 4 KEADAAN DALAM KAEDAH BACAANNYA.

BAB 9

Bahagian Hamzah



KLIK

BAGAIMANAKAH RUPA HAMZAH QATA' DAN HAMZAH WASAL?

ع

HAMZAH QATA'

إ

HAMZAH WASAL

BAGAIMANAKAH CARA MEMBARISKAN HAMZAH WASAL DI PERMULAAN BACAAN?

- Sebelum membariskan hamzah wasal, pembaca perlu mengenal pasti jenis kalimah yang mengandungi hamzah wasal tersebut.

JENIS KALIMAH	ISIM ALIF LAM MA'RIFAH	ISIM BUKAN ALIF LAM MA'RIFAH	FI'IL MADI	FI'IL AMAR
CARA MEMBARISKAN	Dibaca dengan baris atas.	Dibaca dengan baris bawah.	Dibaca dengan baris bawah.	Bergantung pada baris huruf ketiga, sekiranya huruf ketiga berbaris: <input type="checkbox"/> Atas/bawah (dibaca baris bawah). <input type="checkbox"/> Depan (dibaca dengan baris depan).
CONTOH	الَّذِينَ Dibaca baris atas	أَهْدَنَا Dibaca baris bawah	أَتَسْتَسْقِي Dibaca baris bawah	أَدْعُوكُمْ Dibaca baris depan kerana huruf ketiga barisnya depan

BAB 9

Bahagian Hamzah



TAJWID
'ILMI
تجويد علمي
TEKNO HAFIZ PSA



KLIK

NAMUN

- ❖ Terdapat beberapa kalimah yang perlu dibaca baris bawah meskipun huruf ketiganya berbaris depan.
- ❖ Ini kerana baris huruf ketiga itu baris mendatang. Asalnya baris bawah.

KALIMAH

ASAL

آمْشُوا	امْشِيُوا
آقْضُوا	اقْضِيُوا
آتُوا	أَتَيْوَا
آبْنُوا	ابْنِيُوا
آغْدُوا	اغْدِيُوا
آمْضُوا	امْضِيُوا

SUMBER: KERATAN BUKU TAJWID AL-QURAN RIWAYAT HAFS

**Hasil
Pembelajaran**

1. Pelajar dapat mengetahui bahagian-bahagian dan hukum-hukum mad.
1. Pelajar dapat menghuraikan bahagian-bahagian dan hukum-hukum mad dengan baik.




BAB 10

Bahagian Dan Hukum Mad



BERAPAKAH BAHAGIAN MAD?

➤ GAMBARAN RINGKAS BAHAGIAN MAD DAN PECAHAN BESARNYA



➤ GAMBARAN RINGKAS BAHAGIAN MAD
DAN PECAHAN KECILNYA



BAB 10

Bahagian Dan Hukum Mad



APAKAH PERSAMAAN DAN PERBEZAAN MAD ASLI DAN FAR'IE?

KLIK

➤ PERSAMAAN MAD ASLI DAN MAD FAR'IE

HURUFNYA YANG
SAMA IAITU ALIF,
WAW DAN YA

HURUF SEBELUM WAW
PERLU BERBARIS
HADAPAN

HURUF SEBELUM ALIF
PERLU BERBARIS ATAS

HURUF SEBELUM
YA' PERLU
BERBARIS BAWAH

➤ PERBEZAAN MAD ASLI DAN MAD FAR'IE

MAD ASLI

- Sebelum dan selepas huruf mad **bukan** huruf hamzah, selepas huruf mad **bukan** huruf sukun.
- Kadar panjang harakat hanya 2 harakat **sahaja**.

MAD FAR'IE

- Sebelum dan selepas huruf mad **terdapat** huruf hamzah, atau selepas huruf mad **terdapat** huruf sukun.
- Kadar panjang harakat boleh jadi 2, 3, 4, 5 atau 6.

BAB 10


Bahagian Dan Hukum Mad

HURAIAN MAD ASLI

- ❖ Mad asli terbahagi kepada dua bahagian, mad asli kalimi dan mad asli harfi.
- ❖ Mad asli juga dikenali dengan nama mad tabi'ie.
- ❖ Di bawah cabangan besar hukum mad asli kalimi, terdapat empat hukum mad di bawahnya iaitu mad 'iwadh, mad silah qasirah, mad tamkin dan mad tabriah.
- ❖ Semua hukum mad di bawah cabang mad asli berkadar 2 harkat sahaja.
- ❖ Untuk gambaran yang jelas, boleh rujuk peta minda yang disediakan di bawah.

TAJWID
'ILMI
تجوید علمی
TEKNO HUFAZ PSA

KLIK



BAB 10

Bahagian Dan Hukum Mad



DEFINISI MAD ASLI KALIMI DAN HARFI

KLIK

MAD ASLI KALIMI	MAD ASLI HARFI
<input type="checkbox"/> Mad asli yang terletak pada sesuatu kalimah	<input type="checkbox"/> Mad asli yang terletak pada lima huruf (ha', ya', to', haa' dan ra')

CONTOH:

إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ

طَهٌ

1. MAD 'IWADH

- Mad 'iwadh berlaku apabila bacaan waqaf berlaku pada kalimah yang huruf akhirnya berbaris dua di atas.
- Dinamakan mad 'iwadh kerana ketika waqaf, baris tanwin hendaklah ditukar kepada huruf mad iaitu huruf alif kerana sebelumnya huruf berbaris atas.
- Contohnya : إِلَّا لَوَادِ الْمُقَدَّسِ طُوَىْ أَوْ أَجْدُ عَلَى الْنَّارِ هَدَى

2. MAD SILAH QASIRAH

- Mad silah qasirah berlaku apabila ha' dhamir bertemu dengan huruf yang berbaris selain hamzah qata'.

BAB 10

Bahagian Dan Hukum Mad



- Dinamakan mad silah kerana hukum ini berlaku apabila bacaan bersambung.

- Contohnya :

فَرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ فَقُولَا لَهُ قُولَا لَنَا

3. MAD TAMKIN

- Mad tamkin berlaku apabila terdapat dua huruf ya' yang bersebelahan dalam satu kalimah.

- Dinamakan mad tamkin kerana mad ini keadaannya adalah tetap (tidak berubah)

- Contohnya :

رَبَّنَا لَنَا سِيلٌ فِي الْأَمِينَ

4. MAD TABRIAH

- Mad tabriah berlaku apabila selepas kalimah لا terdapat huruf selain hamzah yang menunjukkan penafian.

- Dinamakan mad tabriah kerana untuk membersihkan sifat-sifat Allah daripada segala kelemahan atau penegasan bagi menafikan sesuatu daripada sebarang kekurangan.

- Contohnya :

لَا شِيَةَ فِيهَا لَارِبَ فِيهِ

BAB 10

Bahagian Dan Hukum Mad




HURAIAN MAD FAR'IE

- ❖ Mad yang mempunyai banyak cabangan.
- ❖ Sebelum dan selepas huruf mad **terdapat** huruf hamzah, atau selepas huruf mad **terdapat** huruf sukun.
- ❖ Di dalam cabang besar mad far'ie terdapat 5 hukum mad yang berbeza iaitu mad wajib muttasil, mad jaiz munfasil, mad badal, mad 'aridh lissukun dan mad lazim.
- ❖ Manakala, terdapat 4 hukum mad yang lain juga berada di bawah cabang ini namun ia merupakan cabangan yang kecil iaitu mad lin, mad silah tawilah, mad takzim dan mad farq.
- ❖ Mad-mad di bawah cabang mad far'ie berkadar 2, 4, 5, atau 6 harkat.
- ❖ Rujuk peta minda di bawah untuk mudahkan kefahaman.



KLIK



BAB 10

Bahagian Dan Hukum Mad



CABANG BESAR MAD FARÍE

KLIK

1. MAD WAJIB MUTTASIL

- ❑ Huruf mad dan hamzah bertemu dalam satu kalimah.
- ❑ Dinamakan 'wajib' kerana wajib dipanjangkan melebihi 2 harkat.
- ❑ 4 atau 5 harkat (wasal), 6 harkat (waqaf)

- ❑ Contohnya :

سُوءَ الْعَذَابِ
يَا شَمَاءِ هُمْ

2. MAD JAIZ MUNFASIL

- ❑ Huruf mad dan hamzah bertemu dalam dua kalimah.
- ❑ Huruf mad di hujung kalimah pertama, huruf hamzah di permulaan kalimah kedua.
- ❑ Dinamakan 'jaiz' kerana harus dibaca panjang atau pendek.
- ❑ Mengikut tariq syatibi, mad ini harus dibaca 4 atau 5 harkat sahaja.
- ❑ 4 atau 5 harkat (wasal), 2 harkat (waqaf)

- ❑ Contohnya :

فَسَجَدُوا إِلَّا إِلِيْسَ

3. MAD 'ARIDH LISSUKUN

- ❑ Selepas huruf mad, terdapat satu huruf yang mati mendatang kerana waqaf.
- ❑ Dibaca dengan 3 wajah bacaan, 2, 4, 6 harkat.

- ❑ Contohnya :

أَلْظَالِمِينَ الْكَافِرِينَ

BAB 10

Bahagian Dan Hukum Mad



4. MAD BADAL

- ❑ Sebelum huruf mad terdapat huruf hamzah.
- ❑ Dinamakan 'badal' kerana huruf mad tersebut ialah gantian huruf hamzah yang mati.
- ❑ Dibaca satu wajah iaitu 2 harkat.
- ❑ Kebiasaannya mad ini terjadi apabila hamzah terletak di permulaan kalimah.


- ❑ Contohnya :

عَادَمَ ءَامِنَةٌ

KLIK

5. MAD LAZIM


- ❑ Mad lazim mempunyai 2 bahagian, kalimi dan harfi. Di bawahnya pula masing-masing terpecah 2 lagi bahagian iaitu muthaqqal dan harfi.
- ❑ Dinamakan mad lazim kerana mad ini mesti/kebiasaannya akan dibaca panjang oleh para qurra' dengan kadar 6 harkat.



	MAD LAZIM KALIMI	MAD LAZIM HARFI
PENGERTIAN	<ul style="list-style-type: none">• Huruf mad bertemu dengan satu huruf mati dalam satu kalimah.	<ul style="list-style-type: none">• Huruf mad bertemu dengan satu huruf mati dalam satu huruf (setelah huruf itu dieja).

BAB 10

Bahagian Dan Hukum Mad



KLIK

KALIMI MUTHAQQAL

PENGERTIAN

- Selepas huruf mad terdapat huruf yang bersabdu (diidghamkan).
- Selepas huruf mad terdapat huruf yang mati asli (sukun).

CONTOH

عَالَذَّكَرِينَ
الصَّالِيْنَ

عَالَلَّهِ

HARFI MUTHAQQAL


PENGERTIAN

- Selepas huruf mad terdapat satu huruf mati asli yang diidghamkan ke dalam huruf berikutnya.
- Selepas huruf mad terdapat satu huruf mati asli yang tidak diidghamkan.

CONTOH

الْمَ
طَسْمَ

كَهِيْعَصَ
طَسْمَ



HARFI MUKHAFFAF

BAB 10

Bahagian Dan Hukum Mad



CABANG KECIL MAD FAR'IE



1. MAD LIN

- ❑ Mad lin berlaku apabila terdapat huruf yang berbaris atas **sebelum** ya' mati / waw mati dan juga terdapat huruf yang mati mendatang kerana **selepasnya**.
- ❑ Huruf : و dan ي
- ❑ Mad ini di bawah bahagian mad 'aridh lissukun, maka harus dibaca 2,4 atau 6 harkat.
- ❑ Contohnya :  

2. MAD SILAH TAWILAH

- ❑ Mad silah tawilah berlaku apabila ha' dhamir bertemu hamzah qata'.
- ❑ Dinamakan mad silah kerana hukum ini berlaku apabila bacaan bersambung.
- ❑ Mad ini di bawah bahagian mad jaiz munfasil, maka harus dibaca 4 atau 5 harkat.
- ❑ Contohnya : 

3. MAD TAKZIM

- ❑ Mad takzim berlaku selepas kalimah لا terdapat kalimah إِلَهْ yang menunjukkan penafian.

BAB 10

Bahagian Dan Hukum Mad



- ❑ Mad ini di bawah bahagian mad jaiz munfasil, maka harus dibaca 4 atau 5 harkat.
- ❑ Contohnya :

الله لا إله إلا هو الحي القيوم

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ



4. MAD FARQ

- ❑ Mad farq berlaku apabila hamzah qata' di awal kalimah bertemu dengan hamzah wasal.
- ❑ Dinamakan mad farq kerana untuk membezakan hamzah istifham (pertanyaan) di awal kalimah, dengan hamzah kalimah (perkhabaran) selepasnya.
- ❑ Tiga tempat (kalimah) sahaja dalam al-Quran, yunus (51, 91, 59), naml (59) dan an'am (143, 144)
- ❑ Mad ini di bawah bahagian mad lazim, maka harus dibaca 6 harkat.
- ❑ Contohnya :

عَالَمَةُ عَالَمُ الذَّكَرَيْنِ



TAHUKAH ANDA ?

- Hukum-hukum mad far'ie mempunyai tingkatan/martabat yang berbeza di kalangan ulama qurra' mengikut beberapa perbahasan yang berkait.
- Sekiranya dalam sesebuah kalimah terhimpun 2 hukum mad yang berlainan, maka kalimah tersebut perlu dibaca mengikut hukum mad yang tinggi tingkatan/martabatnya.

BAB 10


Bahagian Dan Hukum Mad



TAJWID
'ILMI
تجوید علمی
TEKNO HUFAZ PSA




KLIK



CONTOH 1



CONTOH 2



BAB 10

Bahagian Dan Hukum Mad



TAJWID
'ILMI
تجويد علمي
TEKNO HUZZAF PSA



CONTOH 3

وَالَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ رِءَاةَ النَّاسِ

MAD BADAL

MAD
WAJIB
MUTTASIL

DIUTAMAKAN

CONTOH 4

مُؤْتَى الْحِكْمَةَ مَن يَشَاءُ

MAD
'ARIDH
LISSUKUN

MAD
WAJIB
MUTTASIL

DIUTAMAKAN

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih (1995), Datuk Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim (ed.), **Tafsir Pimpinan Al-Rahman**, Kuala Lumpur : Bah. Hal Ehwal Islam Jab. Perdana Menteri.
- Abd. Allah Taufiq al-Sabbagh (Dr.) (1993), **Fann al-Tartil**, Cet. 2, Emiriyyah Arab : Dar al-Qalam.
- Atiyyah Qabil Nasr (1997), **Ghayah al-Murid fi IIm al-Tajwid**, Cet. 6, Jeddah : Maktabah Kunuz al-Ma'rifah.
- Abd al-Fattah al-Qadhi (2003), **Al-Wafi fi Syarh al-Syatibi**, Kaherah : Dar al-Salam.
- Abd al-Fattah al-Sayyed Ajmi al-Mursafi (t.t), **Hidayah al-Qari ila Tajwid Kalam al-Bari**, Madinah al-Munawwarah : Maktabah Tayyibah.
- Abi Asim Abd al-Aziz bin Abd al-Fattah al-Qari (1404 H.), **Qawa'id al-Tajwid ala Riwayah Hafs an Asim bin Abi Abi al-Najud**, Madinah al-Munawwarah : Maktabah al-Dar.
- Aliyy Allah bin Ali Abu al-Wafa (t.t), **Al-Qawl al-Sadid fi IIm al-Tajwid bi Riwayah Hafs an Asim**. Kuwait : Maktabah Ibn Kathir & Beirut : Dar Ibn Hazm.
- Husaini Syeikh Uthman (t.t), **Haq al-Tilawah**, Jordan : Maktabah al-Manar.
- Mahmud al-Husari (1970), **Ahkam Qira'ah al-Qur'an al-Karim**, Kaherah : Maktabi' Syirkah al-Syimarli.
- Muhammad Ahmad Ma'bad (t.t), **Al-Mulakhkhas al-Mufid fi IIm al-Tajwid**, Kaherah : Dar Salam.
- Muhammad Ahmad Abu Firakh (Dr.) (1988), **Al-Wajiz fi Ahkam al-Tajwid**, Mesir : Dar al-Fath li al-l'Iam al-Arabi.
- Muhammad al-Habsy (Dr.) (1998), **Kayf Taqra' al-Qur'an**, Syria : Dar al-Asama'.
- Muhammad 'Isam Maflah al-Qadah (Dr.) (2003), **Al-Wadih fi Ahkam al-Tajwid**, Cet. 4, Jordan : Dar al-Nafa'is.
- Muhammad Mahmud Abd al-Alim (t.t), **Ahkam al-Tajwid wa Fadail al-Qur'an**. Kaherah : Syirkah al-Syimarli.
- Muhammad Salim Muhaisin (t.t), **Al-Irsyadat al-Jaliyyah fi al-Qira'at al-Sab' min Tariq al-Syatibi**, Kaherah : Maktabah al-Kulliyyat al-Azhariyyah.

RUJUKAN

- Muhammad Salim Muhaisin (2002), ***Irsyad al-Talibin ila Dhab al-Kitab al-Mubin***, Cet. 2, Kaherah : Dar al-Muhaisin, hlm. 37.
- Al-Imam Syihab al-Din Abi Bakr Ahmad bin Muhammad bin Muhammad Ibn al-Jazari al-Dimasyqi (2000), ***Syarh Tayyibah al-Nasyr fi al-Qira'at al-Asyr***, Cet. 2, Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Saad Abd al-Hamid (t.t.), ***Taysir al-Rahman fi Tajwid al-Qur'an***. Kaherah : Dar al-Taqwa.
- Sya'ban Muhammad Ismail (Dr.) (1990), ***Mulakhkhas Ahkam al-Tajwid***, Kaherah : Maktabah al-Azhar.
- Al-Syeikh Abd Latif Faizuryani (1999), Al-Syeikh Muhammad Rasyid Raghib Qabbani (Dr.) (ed.), ***Al-Tabyin fi Ahkam Tilawah al-Kitab al-Mubin***, Beirut : Dar al-Ma'rifah.
- Al-Syeikh Muhammad al-Jazari al-Syafi'i (1994), ***Matan al-Jazariyyah***, Kaherah : Al-Matabi' al-Aniriyyah.
- Al-Syeikh Muhammad Karim Rajih (1994), ***Fi Hamish al-Qur'an al-Karim al-Qira'at al-Asyar al-Mutawatirah***, Madinah al-Munawwarah : Dar al-Muhajir.
- Al-Syeikh Sulaiman Al-Jamzuri (1994), ***Matan Tuhfah al-Atfal***, Kaherah : Al-Matabi' al-Aniriyyah.
- Dr. Abd Rahman Abd Ghani (2019), ***Tajwid al-Qur'an Riwayat Hafs***, Cet. 6, Bandar Baru Bangi, Akademi al-Furqan.



AKTIVITI PENGUKUHAN





RUJUKAN INTERAKSI

Untuk sebarang pertanyaan mengenai cara bacaan, cara mengenal pasti atau apa-apa sahaja persoalan yang berkaitan dengan ilmu tajwid, boleh sertai kami di *channel telegram*

"TIPS HAFAZAN TECHNO HUFFAZ"

Sila klik atau imbas qr code di bawah




إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

It is certainly We Who have revealed the Reminder, and it is certainly We Who will preserve it.

Surah al-Hijr : 9



UNIT PENERBITAN

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Persiaran Usahawan, Seksyen U1,
40150 Shah Alam
Selangor
Telephone No. : +603 5163 4000
Fax No : +603 5569 1903

